

Tak pernah keluar arahan beku permohonan TOL

KERAJAAN negeri tidak pernah mengeluarkan arahan pembekuan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan akan mengenakan tindakan kepada pihak yang membuat kenyataan bercanggah.

Abdul Khalid berkata, beliau akan berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berhubung bentuk tindakan terhadap mereka yang membuat kenyataan tidak betul dan ingkar.

“Kita galakkan semua permohonan diberikan kepada MTES, tetapi mendapati permohonan tak dibuat, jadi MTES fikir tiada permohonan daripada penduduk.

“Tetapi ini akan terjadi sekiranya yang di atas cakap lain, yang di bawah buat lain. Jika ada permohonan dibuat tetapi diberitahu TOL dibekukan, tolong bagi maklumat pada pihak kita untuk diambil tindakan,” katanya menjawab soalan lisan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan).

Beliau berkata, kerajaan negeri menggalakkan permohonan dalam masa sama bersedia memberikan hak pemilikan terhadap mereka yang menduduki tanah termasuk berstatus TOL.

“Pembayaran premium hanya RM1,000 sahaja dan mereka diberi kesempatan untuk miliki tanah,” katanya.